

20/01/2003

Wajah profesional hadapi Pas

Kadir Dikoh

DALAM perjalanan kira-kira 100 kilometer dari Jeli ke Kota Bharu untuk ke

Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Khamis lalu, seorang rakan secara tiba-tiba memberitahu pasti ada pengumuman penting dibuat berkisar kepada

kedudukan Badan Perhubungan Umno Kelantan.

Di sebuah bilik di lapangan terbang ketika itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sedang mengadakan pertemuan dengan ahli Badan Perhubungan Umno Kelantan setelah menghadiri majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Jeli.

Perdana Menteri sepatutnya berlepas pulang ke Kuala Lumpur pada jam 1.30

petang setelah mengakhiri lawatan dua hari ke Kelantan, tetapi terlewat lebih sejam apabila pertemuan itu berlanjutan. Sidang akhbar yang sepatutnya diadakan di Jeli, ditukar lokasinya ke lapangan terbang - satu

petanda pengumuman tertentu bakal dibuat.

"Tengoklah nanti, pasti ada pengumuman penting apabila mesyuarat begitu

lama diadakan. Pastinya panas di dalam," kata bekas Ketua Pemuda Umno Kok

Lanas, Mohd Noor Jusoh, lulusan komunikasi massa dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Perjalanan itu memakan masa lebih dua jam kerana jalan keluar dari Jeli

sesak dengan ribuan penduduk, termasuk dari kawasan sekitar untuk menyambut kedatangan Dr Mahathir - satu petanda perubahan yang bakal merobek bulan gerhana Pas. Ini ditambah pula hari itu diisytiharkan cuti peristiwa bagi semua sekolah di Kelantan kerana lawatan Perdana Menteri.

Tepat jam 2 petang, kami tiba di lapangan terbang dan terus ke tingkat satu bagi menghadiri sidang akhbar Perdana Menteri. Ketika itu, mesyuarat

sudah berakhir dan Dr Mahathir sedang menjamu selera di bilik berasingan.

Hasil pertemuan itu sudah tersebar, iaitu rombakan besar dilakukan ketika semua hadirin termasuk wartawan dan ahli Umno lain sedang menjamu selera.

"Zaid Ibrahim masuk, (Datuk) Annuar Musa keluar. Datuk Dr Awang Adek (Husin) pun masuk. Nanti awak tanya Perdana Menteri sendiri," bisik seorang pemimpin Umno negeri yang turut menghadiri pertemuan lebih sejam itu sebelum masuk semula ke bilik jamuan.

Tidak lama kemudian, Dr Mahathir yang diiringi Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, dan Datuk Mustapa Mohamad menuju ke bilik sidang akhbar dan sejarus kemudian mengumumkan perubahan drastik dengan menamakan

Zaid sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan yang baru,

menggantikan Annuar, tetapi mengekalkan Mustapa sebagai pengerusi.

Sebagai

Presiden Umno, beliau berkuasa melantik pengerusi dan timbalan pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri.

Apabila ditanya wartawan mengenai perubahan jawatan lain, Dr Mahathir menoleh kepada Mustapa untuk mengumumkan pelantikan Timbalan Ketua Bahagian Tumpat, Mat Nawawi Mat Jusoh, sebagai Setiausaha Umno Kelantan menggantikan Ketua Umno Kubang Kerian, Tuan Mohd Hashim Tuan Yaacob; Timbalan Ketua Umno Bachok, Dr Awang Adek sebagai Bendahari menggantikan Datuk Dr Nik Hussin Abdul Rahman dan Timbalan Ketua Umno Peringat, Mohd Alwi Che Ahmad, sebagai Ketua Penerangan Umno negeri menggantikan Ketua Umno Machang, Datuk Ismail Mamat.

"Saya dapati semua bersetuju dan akan beri sokongan," kata Dr Mahathir mengenai perubahan itu.

Malah, ucapan Perdana Menteri pada majlis Pemimpin Bersama Rakyat di padang Maktab Sultan Ismail sehari sebelum itu sudah membayangkan perubahan yang bakal dibuat dengan berjanji akan memberi tempat kepada pemimpin Umno peringkat negeri yang betul-betul ikhlas dalam agenda untuk menewaskan Pas.

Di padang yang sesak dengan kehadiran lebih 20,000 orang itu, sepanduk antara lain tertera: "Impian rakyat Kelantan - Barisan Nasional menang. Semoga Allah rahmati impian ini."

Di Kota Bharu, Dr Mahathir turut menemui wakil badan bukan kerajaan (NGO) Kelantan di sebuah hotel menjelang tengah malam pada hari pertama lawatannya Rabu lalu, selepas jamuan bersama kakitangan awam.

Dr Awang Adek berucap mewakili NGO itu dan dalam ucapan balasnya pula, Dr Mahathir meminta mereka memberi kerjasama berdasarkan prinsip "bersatu kita teguh bercerai kita roboh".

Sementara itu, seorang bekas ketua Umno bahagian di Kelantan memberitahu dua muka baru yang amat berpotensi pada zaman `gerhana' di Kelantan, Zaid dan Dr Awang Adek, mulai sekarang hendaklah lebih berhati-hati, bukan untuk menghadapi cabaran Pas, tetapi musuh dari dalam Umno negeri itu sendiri.

Ditanya apakah yang dimaksudkannya, rakan itu memberitahu: "Ini Kelantan, budaya politiknya amat berbeza. Pantang tengok orang yang nak naik, akan cuba dicantas. Semua nak jawatan, jadi kapten, jeneral dan bila tidak dilantik, merajuk. Depan Perdana Menteri janji sokong dan beri kerjasama, lepas itu jadi `gedebe' dan bergaduh sesama sendiri."

Kini, katanya, populariti Zaid yang juga seorang peguam naik mendadak setelah dipilih sebagai timbalan pengerusi menggantikan Annuar, penyandang jawatan itu selama 12 tahun yang namanya tercemar kerana isu Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT). Nama Dr Awang Adek, Pengerusi Tenaga Nasional Bhd (TNB), juga semakin popular.

Tidak hairanlah pertemuan Dr Mahathir dengan ahli Badan Perhubungan Umno Kelantan, Khamis lalu dikatakan `panas'. Presiden Umno itu dikatakan mahu setiap daripada mereka bekerjasama dan semua berjanji untuk memberi sokongan padu kepada pasukan baru diketuai Mustapa.

Apakah perubahan pucuk pimpinan Umno negeri itu juga akan menggambarkan perubahan calon pada pilihan raya umum akan datang? Apakah dengan menukar kebanyakan muka lama, akan berjaya menawan Kelantan daripada Pas yang berkuasa sejak 13 tahun lalu?

"Sebenarnya, tidak perlu menukar semua muka lama. Memadai dengan menampilkan beberapa muka baru sebagai calon supaya nampak ada perubahan.

Tetapi, muka baru hendaklah mereka yang betul-betul ikhlas dan diterima rakyat Kelantan," kata Dr Awang Adek yang juga bekas Penolong Gabenor Bank

Negara dalam satu pertemuan sebelum lawatan Dr Mahathir itu.

"Jika betul strategi dan semua pihak memberi kerjasama, Umno boleh menawan semula Kelantan, insya-Allah," katanya sambil telefon bimbitnya kerap berdering meskipun sudah jauh malam ketika berbual-bual di meja makan di sebuah restoran di ibu negara.

Tetapi sesetengah pihak berpendapat, sesiapa pun boleh menjadi calon, sama ada muka lama atau baru asalkan jaminan boleh menang.

Mohd Noor yang kini ahli jawatankuasa Umno Bahagian Peringat pula berpendapat, rakyat Kelantan termasuk orang Pas lebih terpengaruh kepada seseorang pemimpin yang ada jawatan dalam kerajaan.

"Contohnya Awang Adek sejak dilantik Pengerusi TNB didekati orang Kelantan. Bila tiba di lapangan terbang, disambut. Di Kelantan, kalau nak jadi pemimpin besar, mesti ada jawatan dalam kerajaan bagi mendapat pengaruh.

"Mereka yang pernah bertanding dua tiga kali, tetapi tidak pernah menang, wajar ditukar dengan orang lain. Calon tidak semestinya ketua bahagian. Jika menampilkan muka baru, seseorang itu mesti ada kekuatan tersendiri yang tidak semestinya profesional asalkan ada hubungan rapat dengan rakyat bawahan," katanya.

Persoalannya, apakah BN dan Umno mampu menumbangkan Pas pada pilihan raya umum nanti? Ada yang berpendapat, kunci kepada kejayaan itu bergantung kepada orang Umno sendiri dan selagi mereka menghadapi masalah

dalam, jatuh-menjatuh dan berdengki, selagi itulah Pas sukar digugat, menyebabkan Umno Kelantan terus berada dalam gerhana.

Tetapi Ketua Umno Bahagian Pasir Mas, Datuk Paduka Ibrahim Ali, marah-marah dengan media kerana kerap menggambarkan masalah dalam Umno Kelantan.

"Di sini, kemenangan Pas pada 1990, 1995 dan 1999 disebabkan oleh isu tempatan serta nasional, bukan keperibadian calon. Sebab itu, di Kelantan, orang baik pun boleh kalah juga," katanya.

Sebenarnya, Kelantan tidak ketandusan pemimpin, umpamanya Zaid yang lantang bersuara dan Alwi selaku Ketua Penerangan Umno negeri yang baru, boleh diketengahkan.

Zaid memenangi jawatan ketua Umno bahagian Kota Bharu pada 2001, menewaskan Datuk Ahmad Rastom Ahmad Maher, penyandanginya sejak tiga penggal, setelah tiga kali mencuba.

Ringkasnya, selagi Umno Kelantan bergolak sesama sendiri, amat sukar untuk menewaskan Pas.

"Daripada 14 bahagian Umno di Kelantan, boleh dikatakan hanya dua,

iaitu

Gua Musang dan Peringat, yang tidak mempunyai masalah dalaman di bahagian

masing-masing. Di sesetengah bahagian, ketuanya tidak boleh bekerjasama dengan timbalan," kata seorang pemerhati.